

Cuaca panas punca ribuan ikan di Tasik UniSZA mati

Peningkatan suhu kurangkan kapasiti simpanan oksigen dalam air

BH 14/05/23 M/S 19

Oleh Zaid Salim

bhnews@bharian.com.my

Kuala Nerus: Fenomena El Nino menyebabkan ribuan ikan di Tasik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Gong Badak, di sini, mati sejak kelmarin.

Ini kerana cuaca panas me-

lampau sejak Mac lalu akibat fenomena El Nino meningkatkan suhu permukaan tasik, sekali gus mengurangkan kapasiti simpanan oksigen dalam air.

Felo Penyelidik Institut Penyelidikan Alam Sekitar (Eseri) UniSZA, Dr Fathurrahman Lananan, berkata kekurangan oksigen di tasik itu dikenal pasti punca kematian ikan terabit yang sebilangan besarnya daripada spesies tilapia.

“Kita sudah menjalankan pemeriksaan sampel air tasik dan mendapati bacaan oksigennya terlalu rendah.

“Kita syak ia juga disebabkan kemasukan nutrien sisa air domestik daripada sistem perpari-



Pekerja kontraktor mengeluarkan ikan yang mati akibat peningkatan suhu permukaan air di Tasik Universiti Sultan Zainal Abidin. (Foto BERNAMA)

tan taman perumahan berhampiran.

“Cuaca panas melampau sejak Mac lalu akibat fenomena El Nino meningkatkan lagi suhu permukaan tasik, sekali gus mengurangkan kapasiti simpanan oksigen dalam air,” katanya, di sini, semalam.

Fathurrahman berkata, pertembungan faktor nutrien daripada sisa buangan domestik

yang pekat ditambah peningkatan suhu permukaan tasik menyebabkan ikan berkenaan mati.

Matikan ekosistem

Katanya, kenaikan mendadak oksigen biologikal (BOD) boleh mengakibatkan bacaan oksigen air menjadi sifar, sekali gus mematikan ekosistem dalam sungai seperti ikan dan tumbuhan.

“Ini kali kedua insiden ikan mati di Tasik UniSZA akibat sebab yang sama sejak tasik ini dijadikan komponen tebatan banjir kawasan setempat mulai 2017,” katanya.

Susulan itu, Fathurrahman berkata, pihaknya memohon kerajaan meluluskan segera projek Loji Rawatan Air (LRA) bagi menampung kemasukan air domestik di tasik berkenaan.